

1 Atur cara komputer dalam pendingin hawa digunakan untuk _____.

- A Mengira jumlah masa pendingin hawa digunakan.
- B Mengesan berat muatan kain.
- C Menentukan suhu yang sesuai untuk menyimpan makanan.
- D Menetap dan menyelaraskan suhu bilik.

2 Antara berikut, manakah contoh peralatan harian yang menggunakan atur cara komputer ?

- I Lampu
- II Mesin penyedut habuk
- III Alat pemanas air
- IV Mesin pengisar

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV

3 Fungsi-fungsi dalam peralatan digital dikawal oleh atur cara komputer yang terdapat dalam _____ peralatan tersebut.

- A komputer benam
- B komputer meja
- C komputer riba
- D komputer pintar

4 Setiap peralatan digital mempunyai _____ yang telah diprogramkan.

- A mikropemproses
- B cip RAM
- C mikropengawal
- D cip mikropengawal

5 Soalan 5 berdasarkan pernyataan di bawah.

Pelbagai cara memasak boleh dilakukan berdasarkan atur cara.

Alatan dalam pernyataan di atas mungkin _____.

- A televisyen pintar
- B ketuhar gelombang mikro
- C jam penggera digital
- D pembersih vakum robotik

6 Teknologi kejuruteraan _____ dapat membantu manusia dalam melakukan tugas-tugas harian.

- A robotik
- B awam
- C elektronik
- D industri

7 Antara berikut, manakah **bukan** operasi bagi mesin minuman layan diri ?

- A mengira jumlah bayaran.
- B membenarkan minuman dipilih.
- C mempelbagaikan cara bancuhan.
- D mengeluarkan baki wang.

8 Antara berikut, manakah **benar** tentang arahan atur cara komputer ?

- I Setiap arahan dilaksanakan secara berturutan.
- II Peralatan berfungsi mengikut tetapan.
- III Sesetengah perkakasan mempunyai komputer benam.
- IV Arahan atur cara dilaksanakan dengan tindakan manual.

- A I, II dan III
- B I, III dan IV
- C II, III dan IV
- D I, II, III dan IV